

KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2008

**PELARASAN GAJI YANG AKHIR DITERIMA
BAGI PEGAWAI YANG BERSARA ATAU MENINGGAL DUNIA
DALAM PERKHIDMATAN**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah pelarasan gaji yang akhir diterima oleh pegawai yang berada di grad jawatan kenaikan pangkat, pertukaran pelantikan atau Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) apabila bersara. Kaedah ini juga diguna pakai kepada pegawai yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan dan layak menerima faedah persaraan.

DEFINISI

2. Dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini,

“gaji yang akhir diterima” bermaksud gaji hakiki bulanan yang akhir diterima oleh pegawai pada tarikh sehari sebelum persaraannya atau pada tarikh kematian dalam perkhidmatan bagi maksud bayaran faedah persaraan.

“**gred jawatan sekarang**” bermaksud gred jawatan hakiki pegawai setelah dinaikkan pangkat, ditukar lantik atau KPSL.

“**gred jawatan sebelumnya**” bermaksud gred jawatan hakiki pegawai sebelum dinaikkan pangkat, ditukar lantik atau KPSL.

LATAR BELAKANG

3. Kerajaan telah mengenal pasti bahawa terdapat keadaan di mana pegawai yang dinaikkan pangkat, ditukar lantik atau dilantik secara KPSL apabila bersara atau meninggal dunia dalam perkhidmatan menerima gaji yang lebih rendah berbanding sekiranya kekal dan bersara atau meninggal dunia di gred jawatan sebelumnya.

4. Contoh-contoh keadaan pegawai yang menerima gaji rendah adalah seperti berikut:

a. bagi pegawai yang bersara di gred kenaikan pangkat menerima gaji rendah apabila bersara berbanding sekiranya kekal di gred jawatan sebelumnya seperti di **Jadual (a) Lampiran A1 dan A2**;

b. bagi pegawai yang bersara di gred pertukaran pelantikan menerima gaji rendah apabila bersara berbanding sekiranya kekal di gred jawatan sebelumnya seperti di **Jadual (a) Lampiran A3 dan A4**; dan

c. bagi pegawai yang bersara di gred KPSL menerima gaji rendah apabila bersara berbanding sekiranya kekal di gred jawatan sebelumnya seperti di **Jadual (a) Lampiran A5 dan A6**.

5. Sehubungan dengan itu, bagi maksud bayaran faedah persaraan pegawai, Kerajaan bersetuju gaji yang akhir diterima oleh pegawai yang terlibat diselaraskan ke matagaji yang sama atau tertinggi berhampiran dengan gaji yang sepatutnya diterima oleh pegawai sekiranya kekal di gred jawatan sebelumnya.

PELAKSANAAN

Pegawai Yang Layak

6. Pegawai yang bersara pada atau selepas 2 November 2002 di bawah Akta Pencen 1980 (Akta 227) dalam salah satu keadaan berikut:

- a. bersara wajib di bawah seksyen 10(1) atau 10(3); atau
- b. bersara atas sebab kesihatan di bawah seksyen 10(5)(a); atau
- c. bersara atas sebab penghapusan jawatan di bawah seksyen 10(5)(b); atau
- d. bersara atas sebab penyusunan semula organisasi di bawah seksyen 10(5)(c); atau
- e. bersara atas alasan kepentingan negara di bawah seksyen 11(a)(i) atau seksyen 11(b)(i); atau
- f. bersara demi kepentingan perkhidmatan awam di bawah seksyen 11(a)(ii) atau 11(b)(ii); atau
- g. bersara berkaitan dengan penswastaaan/ pengkorporatan agensi kerajaan di bawah seksyen 12 atau seksyen 12A; atau
- h. bersara di bawah seksyen 6A(5) atau 6A(5A) atau 6A(6) bagi pegawai yang tertakluk kepada Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

7. Pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada atau selepas 1 November 2002.

Pegawai Yang Tidak Layak

8. Pegawai yang tidak layak adalah pegawai yang:
 - a. bersara secara pilihan di bawah seksyen 12 Akta Pencen (Akta 227), iaitu bukan berkaitan dengan penswastaaan/ pengkorporatan; atau
 - b. bersara atas alasan pekerjaan pegawai telah ditamatkan demi kepentingan awam di bawah seksyen 10(5)(d) Akta 227; dan/ atau
 - c. bercuti tanpa gaji sehingga tarikh terakhir dalam perkhidmatan.

9. Peraturan di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan ini tidak terpakai bagi pegawai yang dijatuhkan hukuman tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993[P.U.(A)395/1993] yang mengakibatkan gaji yang akhir diterima rendah berbanding sekiranya kekal dan bersara di gred jawatan sebelumnya.

Prinsip Pemindahan Gaji

10. Gaji yang akhir diterima oleh pegawai hendaklah diselaraskan ke matagaji yang sama atau matagaji tertinggi berhampiran dengan gaji yang sepatutnya diterima di gred jawatan sebelumnya pada tarikh **sehari sebelum** pegawai bersara atau **pada tarikh** pegawai meninggal dunia.

Kaedah Pelarasan Gaji

11. Pelarasan gaji hendaklah dilaksanakan di gred jawatan sekarang setelah mengambil kira penetapan gaji yang akan diterima oleh pegawai sekiranya kekal dan bersara atau meninggal dunia di gred jawatan sebelumnya. Penetapan gaji di gred jawatan sebelumnya hendaklah berdasarkan kepada Pergerakan Gaji Biasa mengikut Peringkat (P) gaji pegawai.

12. Sekiranya matagaji mengikut Peringkat (P) gred jawatan sekarang tidak dapat menampung gaji yang sepatutnya diterima di gred jawatan sebelumnya, pelarasan gaji boleh

dibuat di Peringkat (P) berikutnya berdasarkan kepada prinsip di perenggan 10. Jika matagaji gred jawatan sekarang tidak dapat menampung gaji gred jawatan sebelumnya, maka Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

13. Contoh-contoh pelarasan gaji yang akhir diterima adalah seperti berikut:
 - a. bagi pegawai yang bersara di gred kenaikan pangkat diselaraskan ke matagaji yang sama atau matagaji tertinggi berhampiran di gred jawatan sekarang seperti di **Jadual (b) Lampiran A1 dan A2**;
 - b. bagi pegawai yang bersara di gred pertukaran pelantikan diselaraskan ke matagaji yang sama atau matagaji tertinggi berhampiran di gred jawatan sebelumnya seperti di **Jadual (b) Lampiran A3 dan A4**; dan
 - c. bagi pegawai yang bersara di gred KPSL diselaraskan ke matagaji yang sama atau matagaji tertinggi berhampiran di gred jawatan sekarang seperti di **Jadual (b) Lampiran A5 dan A6**.

Tanggungjawab Ketua Jabatan

14. Bagi pegawai yang akan bersara, Ketua Jabatan hendaklah:
 - a. mengenal pasti pegawai yang layak diberi pelarasan gaji seperti yang dinyatakan di perenggan 6 di atas;
 - b. mengenal pasti gred dan matagaji gred jawatan sekarang, iaitu sama ada di gred kenaikan pangkat atau pertukaran pelantikan atau KPSL;
 - c. mengenal pasti gred dan matagaji mengikut Peringkat (P) gaji pegawai sebelum kenaikan pangkat atau pertukaran pelantikan atau KPSL untuk menentukan gaji di gred jawatan sebelumnya berdasarkan Pergerakan Gaji Biasa mengikut Peringkat (P) gaji pegawai sehari sebelum bersara;

- d. amaun gaji di gred jawatan sebelumnya diselaraskan ke matagaji yang sama atau matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji mengikut Peringkat (P) gaji gred jawatan sekarang;
- e. mengemas kini maklumat gaji di dalam Kenyataan Perkhidmatan pegawai dengan membuat pelarasan gaji seperti yang dinyatakan di perenggan 10 hingga 12 di atas, yang mana berkaitan;
- f. mengemukakan dokumen berkaitan pelarasan gaji serta sebarang tambahan caruman pegawai kepada pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi pegawai yang tertakluk kepada Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja; dan
- g. mengemukakan dokumen berkaitan pelarasan gaji berserta dokumen-dokumen persaraan ke Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk proses bayaran faedah persaraan bagi pegawai yang tertakluk kepada Skim Pencen.

15. Bagi pegawai yang telah bersara atau meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan, Ketua Jabatan hendaklah:

- a. mengenal pasti pegawai yang layak diberi pelarasan gaji seperti yang dinyatakan di perenggan 6 dan 7 di atas;
- b. mengemas kini maklumat gaji di dalam Kenyataan Perkhidmatan pegawai dengan membuat pelarasan gaji seperti yang dinyatakan di perenggan 10 hingga 12 di atas, yang mana berkaitan;
- c. mengemukakan dokumen berkaitan pelarasan gaji serta sebarang tambahan caruman pegawai kepada pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi pegawai yang tertakluk kepada Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk tujuan pelarasan jumlah caruman keseluruhan pegawai; dan
- d. mengemukakan dokumen berkaitan pelarasan gaji tersebut ke Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk pengiraan semula faedah-faedah persaraan bagi pegawai yang tertakluk kepada Skim Pencen.


TARIKH KUAT KUASA

16. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2002**.

PEMAKAIAN

17. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

21 Februari 2008

s.k.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**CONTOH KEADAAN PEGAWAI YANG MENERIMA GAJI RENDAH
APABILA BERSARA DI GRED KENAIKAN PANGKAT BERBANDING
SEKIRANYA KEKAL DI GRED JAWATAN SEBELUMNYA DAN
CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI**

(Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 Yang Dinaikkan Pangkat ke Gred N26)

Tarikh Pergerakan Gaji Gred N22 : 1 Januari

Tarikh Kenaikan Pangkat Gred N26 : 1 Ogos 2005

Tarikh Pergerakan Gaji Gred N26 : 1 Julai

Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat ke Gred N26 : 24 September 2006

Tarikh Bersara : 20 Jun 2009

Jadual (a) : Keadaan Pegawai Yang Bersara Di Gred Kenaikan Pangkat Yang Menerima Gaji Rendah

Tarikh	Gred N22 (RM)	Gred N26 (RM)	Catatan
31.7.2005	2078.05 P2T7	-	Gaji akhir di Gred N22.
1.8.2005	2078.05 P2T7	2229.30 P1T7	Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat ke Gred N26. Penetapan gaji permulaan di Gred N26. TPG Gred N26 ialah pada 1 Julai.
1.1.2006	2163.96 P2T8	2229.30 P1T7	TPG di Gred N22.
1.7.2006	2163.96 P2T8	2307.95 P1T8	TPG di Gred N26. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
24.9.2006	2163.96 P2T8	2307.95 P1T8	Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat ke Gred N26.
1.1.2007	2249.87 P2T9	2307.95 P1T8	TPG di Gred N22.
1.7.2007	2812.36 P2T9	2884.92 P1T8	Pelarasan kepada Matagaji Baru mengikut PP 7/ 2007.
1.7.2007	2812.36 P2T9	2983.23 P1T9 (maks)	TPG di Gred N26. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Tarikh	Gred N22 (RM)	Gred N26 (RM)	Catatan
1.1.2008	2919.75 P2T10	2983.23 P1T9 (maks)	TPG di Gred N22.
1.7.2008	2919.75 P2T10	2983.23 P1T9 (maks)	TPG di Gred N26. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Tiada pergerakan gaji kerana telah berada di matagaji maksimum.
1.1.2009	3027.14 P2T11	2983.23 P1T9 (maks)	TPG di Gred N22.
19.6.2009	3027.14 P2T11	2983.23 P1T9 (maks)	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh bersara menerima gaji yang lebih rendah berbanding sekiranya kekal di gred jawatan sebelumnya.

Jadual (b) : Kaedah Pelarasan Gaji Yang Akhir Diterima Bagi Pegawai Yang Bersara Di Gred Kenaikan Pangkat

Tarikh	Gred N22 (RM)	Gred N26 (RM)	Pelarasan Gaji Gred N26 (RM)	Catatan
19.6.2009	3027.14 P2T11	2983.23 P1T9 (maks)	3051.33 P2T7	Pelarasan gaji ke matagaji yang sama atau tertinggi berhampiran di P2 Gred N26 dengan matagaji di gred jawatan sebelumnya (Gred N22).

Catatan:

- PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
 TPG : Tarikh Pergerakan Gaji
 PP7/2007 : Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007
 Pemberian Kenaikan Gaji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan
 Di Bawah Sistem Saraan Malaysia

LAMPIRAN A2

**CONTOH KEADAAN PEGAWAI YANG MENERIMA GAJI RENDAH
APABILA BERSARA DI GRED KENAIKAN PANGKAT BERBANDING SEKIRANYA
KEKAL DI GRED JAWATAN SEBELUMNYA DAN
CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI**

(Pegawai Pertanian Gred G41 Yang Dinaikkan Pangkat ke Gred G44)

Tarikh Pergerakan Gaji Gred G41 : 1 April
 Tarikh Kenaikan Pangkat Gred G44 : 1 Oktober 2005
 Tarikh Pergerakan Gaji Gred G44 : 1 Oktober
 Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Ke Gred G44 : 25 November 2006
 Tarikh Bersara : 1 Jun 2009

Jadual (a) : Keadaan Pegawai Yang Bersara Di Gred Kenaikan Pangkat Yang Menerima Gaji Rendah

Tarikh	Gred G41 (RM)	Gred G44 (RM)	Penyelesaian Gred G44 PP 14/2007 (RM)	Catatan
30.9.2005	3603.04 P2T22	-	-	Gaji akhir di Gred G41.
1.10.2005	3603.04 P2T22	3770.02 P1T10	-	Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat Gred G44. Gaji Permulaan kenaikan pangkat yang ditawarkan kepada pegawai.
1.4.2006	3738.56 P2T23	3770.02 P1T10	-	TPG di Gred G41. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.10.2006	3738.56 P2T23	3900.70 P1T11	-	TPG di Gred G44. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
25.11.2006	3738.56 P2T23	3900.70 P1T11	-	Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Gred G44.
1.4.2007	4118.50 P3T24	3900.70 P1T11	4162.06 P1T13	TPG di Gred G41. Diluluskan Anjakan Gaji. (Pelarasan gaji di matagaji Gred 44 mengikut PP 14/2007)
1.7.2007	4736.37 P3T24	-	4786.35 P1T13	Pelarasan kepada Matagaji Baru mengikut PP 7/ 2007.

Tarikh	Gred G41 (RM)	Gred G44 (RM)	Penyelesaian Gred G44 PP 14/2007 (RM)	Catatan
1.10.2007	4736.37 P3T24	-	4936.63 P1T14 (maks)	TPG di Gred G44. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.4.2008	4899.18 P3T25	-	4936.63 P1T14 (maks)	TPG di Gred G41.
1.10.2008	4899.18 P3T25	-	4936.63 P1T14 (maks)	TPG di Gred G44. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Tiada pergerakan gaji kerana telah berada di matagaji maksimum.
1.4.2009	5061.99 P3T26	-	4936.63 P1T14 (maks)	TPG di Gred G41.
31.5.2009	5061.99 P3T26	-	4936.63 P1T14 (maks)	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh bersara menerima gaji yang lebih rendah berbanding sekiranya kekal di gred jawatan sebelumnya.

Jadual (b) : Kaedah Pelarasan Gaji Yang Akhir Diterima Bagi Pegawai Yang Bersara Di Gred Kenaikan Pangkat

Tarikh	Gred G41 (RM)	Gred G44 (RM)	Penyelesaian Gred G44 PP 14/2007 (RM)	Pelarasan Gaji Gred G44 (RM)	Catatan
31.5.2009	5061.99 P3T26	-	4936.63 P1T14 (maks)	5092.56 P2T12	Pelarasan gaji ke matagaji yang sama atau tertinggi berhampiran dengan gaji P2 di Gred G44 dengan matagaji di gred jawatan sebelumnya (Gred G41).

Catatan:

- PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
 TPG : Tarikh Pergerakan Gaji
 PP7/2007 : Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007
 Pemberian Kenaikan Gaji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia
 PP14/2007 : Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2007
 Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Dan Pelarasan Gaji Kenaikan Pangkat

**CONTOH KEADAAN PEGAWAI YANG MENERIMA GAJI RENDAH
APABILA BERSARA DI GRED JAWATAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERBANDING
SEKIRANYA KEKAL DI GRED JAWATAN SEBELUMNYA DAN
CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI**

(Pembantu Kesihatan Awam Gred U11 Yang Di Tukar Lantik Ke Gred U17)

Tarikh Pergerakan Gaji Gred U11 : 1 Oktober
 Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan : 1 Januari 2005
 Tarikh Pergerakan Gaji Gred U17 : 1 Januari
 Tarikh Bersara : 20 November 2007

**Jadual (a) : Keadaan Pegawai Yang Bersara Di Gred Pertukaran Pelantikan
Yang Menerima Gaji Rendah**

Tarikh	Gred U11 (RM)	Gred U17 (RM)	Catatan
31.12.2004	1251.62 P2T19	-	Gaji akhir di Gred U11.
1.1.2005	1251.62 P2T19	1315.75 P1T16	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan (PP 5/2005). Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang ditawarkan kepada pegawai.
1.10.2005	1292.76 P2T20	1368.99 P1T17 (maks)	TPG di Gred Asal diberi di gred jawatan baru.
1.1.2006	1292.76 P2T20	1368.99 P1T17 (maks)	TPG di Gred U17. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Tiada pergerakan gaji kerana telah berada di matagaji maksimum.
1.10.2006	1333.90 P2T21	1368.99 P1T17 (maks)	TPG di Gred U11.
1.1.2007	1333.90 P2T21	1368.99 P1T17 (maks)	TPG di Gred U17. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Tiada pergerakan gaji kerana telah berada di matagaji maksimum.
1.7.2007	1800.77 P2T21	1711.21 P1T17 (maks)	Pelarasan kepada Matagaji Baru mengikut PP 7/ 2007.

Tarikh	Gred U11 (RM)	Gred U17 (RM)	Catatan
19.11.2007	1800.77 P2T21	1711.21 P1T17 (maks)	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh bersara menerima gaji yang lebih rendah berbanding sekiranya kekal di gred sebelumnya.

Jadual (b) : Kaedah Pelarasan Gaji Yang Akhir Diterima Bagi Pegawai Yang Bersara Di Gred Pertukaran Pelantikan

Tarikh	Gred U11 (RM)	Gred U17 (RM)	Pelarasan Gaji Gred U17 (RM)	Catatan
19.11.2007	1800.77 P2T21	1711.21 P1T17 (maks)	1809.64 P2T17 (maks)	Pelarasan gaji ke matagaji yang sama atau tertinggi berhampiran P2 Gred U17 dengan matagaji di gred jawatan sebelumnya (Gred U11).

Catatan:

- PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
 - TPG : Tarikh Pergerakan Gaji
 - PP5/2005 : Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2005
 - PP7/2007 : Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007
- Pindaan Skim Perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam
Pemberian Kenaikan Gaji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia

**CONTOH KEADAAN PEGAWAI YANG MENERIMA GAJI RENDAH
APABILA BERSARA DI GRED JAWATAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERBANDING
SEKIRANYA KEKAL DI GRED JAWATAN SEBELUMNYA DAN
CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI**

(Penguasa Kastam Gred W41 Yang Di Tukar Lantik Ke Leftenan Komander Maritim Gred X20)

Tarikh Pergerakan Gaji Gred W41 : 1 Januari
 Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan : 1 Julai 2005
 Tarikh Pergerakan Gaji Gred X20 : 1 Julai
 Tarikh Bersara : 4 April 2007

**Jadual (a) : Keadaan Pegawai Yang Bersara Di Gred Jawatan
Pertukaran Pelantikan Yang Menerima Gaji Rendah**

Tarikh	Gred W41 (RM)	Gred X20 (RM)	Catatan
30.6.2005	3681.69 P1T24	-	Gaji akhir di Gred W41.
1.7.2005	3681.69 P1T24	3877.59 P1T14 (maks)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan (PP 6/2004). Gaji Permulaan pertukaran pelantikan yang ditawarkan kepada pegawai.
1.1.2006	3813.58 P1T25	3877.59 P1T14 (maks)	TPG di Gred W41.
1.7.2006	3813.58 P1T25	3877.59 P1T14 (maks)	TPG di Gred X20. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Tiada pergerakan gaji kerana telah berada di matagaji maksimum
1.1.2007	3945.47 P1T26	3877.59 P1T14 (maks)	TPG di Gred W41.
3.4.2007	3945.47 P1T26	3877.59 P1T14 (maks)	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh bersara menerima gaji yang lebih rendah berbanding sekiranya kekal di gred sebelumnya.

Jadual (b) : Kaedah Pelarasan Gaji Yang Akhir Diterima Bagi Pegawai Yang Bersara Di Gred Pertukaran Pelantikan

Tarikh	Gred W41 (RM)	Gred X20 (RM)	Pelarasan Gaji Gred X20 (RM)	Catatan
3.4.2007	3945.47 P1T26	3877.59 P1T14 (maks)	3968.34 P2T12	Pelarasan gaji ke matagaji yang sama atau tertinggi berhampiran di P2 Gred X20 dengan matagaji di gred jawatan sebelumnya (Gred W41).

Catatan:

- PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
- TPG : Tarikh Pergerakan Gaji
- PP6/2004 : Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2004
Skim Perkhidmatan Pegawai Penguatkuasa Maritim Dan Pegawai Lain – lain Pangkat Penguatkuasa Maritim

**CONTOH KEADAAN PEGAWAI YANG MENERIMA GAJI
RENDAH APABILA BERSARA DI GAJI JAWATAN KPSL BERBANDING
SEKIRANYA KEKAL DI GRED JAWATAN SEBELUMNYA DAN
CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI**

(Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N36 Yang Dilantik Secara KPSL ke Pegawai Penguatkuasa Gred N41)

Tarikh Pergerakan Gaji Gred N36 : 1 Januari
 Tarikh Kuat Kuasa KPSL : 1 April 2007
 Tarikh Pergerakan Gaji Gred N41 : 1 April
 Tarikh Bersara : 2 Disember 2009

Jadual (a) : Keadaan Pegawai Yang Bersara Di Gred Kenaikan Pangkat Secara Lantikan Yang Menerima Gaji Rendah

Tarikh	Gred N36 (RM)	Gred N41 (RM)	Catatan
31.3.2007	3646.21 P2T9	-	Gaji akhir di Gred N36.
12.4.2007	3646.21 P2T9	3904.33 P1T26	Tarikh kuat kuasa KPSL. Gaji Permulaan KPSL yang ditawarkan kepada pegawai.
1.7.2007	4557.75 P2T9	4490.00 P1T26	Pelarasan kepada Matagaji Baru mengikut PP 7/ 2007.
1.1.2008	4734.71 P2T10	4490.00 P1T26	TPG di Gred N36.
1.4.2008	4734.71 P2T10	4640.28 P1T27 (maks)	TPG di Gred N41. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.1.2009	4911.67 P2T11 (maks)	4640.28 P1T27 (maks)	TPG di Gred N36.
1.4.2009	4911.67 P2T11 (maks)	4640.28 P1T27 (maks)	TPG di Gred N41. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Tiada pergerakan gaji kerana telah berada di matagaji maksimum.

Tarikh	Gred N36 (RM)	Gred N41 (RM)	Catatan
1.12.2009	4911.67 P2T11 (maks)	4640.28 P1T27 (maks)	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh bersara menerima gaji yang lebih rendah berbanding sekiranya kekal di gred sebelumnya.

Jadual (b) : Kaedah Pelarasan Gaji Yang Akhir Diterima Bagi Pegawai Yang Bersara Di Gred Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Tarikh	Gred N36 (RM)	Gred N41 (RM)	Pelarasan Gaji Gred N41	Catatan
1.12.2009	4911.67 P2T11 (maks)	4640.28 P1T27 (maks)	4918.55 P2T27 (maks)	Pelarasan gaji ke matagaji yang sama atau tertinggi berhampiran dengan gaji P2 di Gred N41 dengan matagaji di gred jawatan sebelumnya (Gred N36).

Catatan:

- PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
 TPG : Tarikh Pergerakan Gaji
 PP7/2007 : Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007
 Pemberian Kenaikan Gaji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan
 Di Bawah Sistem Saraan Malaysia

**CONTOH KEADAAN PEGAWAI YANG MENERIMA GAJI
RENDAH APABILA BERSARA DI GAJI JAWATAN KPSL BERBANDING
SEKIRANYA KEKAL DI GRED JAWATAN SEBELUMNYA DAN
CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI**

**(Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q36 Yang Dilantik Secara KPSL
ke Pegawai Penyelidik Gred Q41)**

Tarikh Pergerakan Gaji Gred Q36 : 1 April
 Tarikh Kuat Kuasa KPSL : 15 Mei 2007
 Tarikh Pergerakan Gaji Gred Q41 : 1 April
 Tarikh Bersara : 5 Oktober 2009

**Jadual (a) : Keadaan Pegawai Yang Bersara Di Gred Kenaikan Pangkat
Secara Lantikan Yang Menerima Gaji Rendah**

Tarikh	Gred Q36 (RM)	Gred Q41 (RM)	Catatan
14.5.2007	3508.27 P2T8	-	Gaji akhir di Gred Q36.
15.5.2007	3508.27 P2T8	3701.05 P1T22	Tarikh kuat kuasa KPSL. Gaji Permulaan KPSL yang ditawarkan kepada pegawai.
1.7.2007	4385.33 P2T8	4256.26 P1T22	Pelarasan kepada Matagaji Baru mengikut PP 7/ 2007.
1.4.2008	4562.29 P2T9	4409.33 P1T23	TPG di Gred Q36. TPG Gred Q41 Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.4.2009	4739.25 P2T10	4562.40 P1T24	TPG di Gred Q36. TPG Gred Q41 Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
4.10.2009	4739.25 P2T10	4562.40 P1T24	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh bersara menerima gaji yang lebih rendah berbanding sekiranya kekal di gred sebelumnya.

**Jadual (b) : Kaedah Pelarasan Gaji Yang Akhir Diterima Bagi
Pegawai Yang Bersara Di Gred Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**

Tarikh	Gred Q36 (RM)	Gred Q41 (RM)	Pelarasan Gaji Gred Q41 (RM)	Catatan
4.10.2009	4739.25 P2T10	4562.40 P1T24	4829.45 P2T24	Pelarasan gaji ke matagaji yang sama atau tertinggi berhampiran dengan gaji P1 di Gred Q41 dengan matagaji di gred jawatan sebelumnya (Gred Q36).

Catatan:

- PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
 TPG : Tarikh Pergerakan Gaji
 PP7/2007 : Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007
 Pemberian Kenaikan Gaji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan
 Di Bawah Sistem Saraan Malaysia